

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

14. Isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dalam negeri semakin serius dan membawa impak negatif kepada masyarakat setempat.
- (a) Senaraikan status mereka dengan terperinci mengikut umur, jantina, negara asal dan status ibubapa.
  - (b) Apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini? Sila huraikan.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai rekod individu yang tidak bernegara (*stateless*). Ini adalah kerana dokumen pendaftaran kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN kepada seseorang individu hanya akan direkodkan dengan taraf sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara. Penentuan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku.

Bagi individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini (anak tak sah taraf), maka kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya, selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua,

Perlembagaan Persekutuan. Justeru, anak tak sah taraf yang dilahirkan oleh wanita warga asing akan direkodkan sebagai Bukan Warganegara.

Bagi pendaftaran kelahiran yang dikemukakan tanpa maklumat negara asal ibu bapa, namun terdapat bukti bahawa individu tersebut Bukan Warganegara Malaysia, maka taraf kewarganegaraan akan direkodkan sebagai Bukan Warganegara yang kewarganegaraannya belum ditentukan (*stateless*). Individu tersebut boleh mengemukakan permohonan pindaan maklumat kepada JPN sekiranya mereka telah memperolehi bukti mengenai negara asal mereka.

Ibu bapa atau penjaga individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kegagalan ibu bapa atau penjaga melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri dari negara asal yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini. Seterusnya, mereka juga disalah anggap sebagai *stateless* di Malaysia.

- (b) Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Program Kewarganegaraan Negeri Pulau Pinang pada 1 Februari 2013 bagi membantu penduduk Pulau Pinang yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia. YB. Prof. Dr. P. Ramasamy selaku Timbalan Ketua Menteri II telah dilantik sebagai pemantau program manakala seramai lima (5) orang Pegawai Pembantu Kewarganegaraan telah dilantik bagi setiap daerah di Pulau Pinang untuk menjalankan tugas-tugas membantu individu tanpa taraf kewarganegaraan dalam membuat permohonan daftar lewat sijil lahir, daftar lewat kad pengenalan, permohonan kewarganegaraan, permohonan berkaitan kes-kes imigresen dan lain-lain permohonan yang berkaitan dengan status kewarganegaraan Malaysia.

Sehingga 21 Mei 2018, seramai 1,170 individu telah dibantu melalui program ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak 249 permohonan lengkap telah dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan. Daripada 249 permohonan yang dikemukakan, sebanyak 52 kes telah berjaya manakala 197 kes masih berada dalam tindakan jabatan-jabatan kerajaan tersebut.

Baki 921 kes pula masih berada dalam tindakan Pegawai Pembantu Kewarganegaraan bagi mengumpul semua dokumen yang diperlukan untuk mengemukakan permohonan yang lengkap. Statistik pencapaian Program Kewarganegaraan Negeri Pulau Pinang dari 1 Februari 2013 hingga 21 Mei 2018 adalah seperti dalam **Lampiran A**.

Antara program turun padang yang telah dianjurkan melalui inisiatif ini adalah *Road Show* Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri yang telah diadakan pada 22 Mei 2018 bertempat di Dewan Del'meron (D Bintang), Kepala Batas, Seberang Perai Utara dan pada 7 Ogos 2016 di Dewan Serbaguna Jawi, Seberang Perai Selatan serta pada 4 September 2016, Mydin Mall, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. *Road Show* yang diatur bagi bahagian Pulau Pinang pada 5 November 2017 di Konkos Tingkat 3, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) terpaksa dibatalkan pada saat terakhir disebabkan bencana banjir serius yang telah melanda seluruh Pulau Pinang pada masa tersebut.

Selain itu, program terdekat yang akan diadakan adalah *Road Show* Program Kewarganegaraan yang dijadualkan pada 19 Ogos 2018 bertempat di Concourse, Aras 3, KOMTAR. Program ini akan melibatkan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Malaysia.